

Tokoh tajwid jadi rebutan

Ketekunan Syeikh Abdul Fattah menimba ilmu *qiraat* dengan guru yang mahir dan mencari sanad yang tinggi amat dikagumi

BicaraQiraat

Oleh DR. KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

PERTAMA kali saya melihat karyanya bertajuk, *Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*, timbul keazaman di hati untuk jadikan karyanya sebagai bahan kajian.

Walaupun ketika itu, saya adalah pelajar tahun pertama di Universiti Islam Madinah tetapi dalam diri ini amat yakin kandungan karya Syeikh Mirsafi adalah bernilai dan boleh dimanfaatkan oleh penuntut ilmu.

Nama penuhnya ialah Abdul Fattah al-Sayyid Ajami al-Mirsafi dilahirkan pada 1923 di kampung Mirsafa dalam daerah Qalyubiyyah, Mesir.

Mirsafa terkenal dalam kalangan penduduk Mesir kerana melahirkan ramai penghafaz al-Quran.

Syeikh Abdul Fattah adalah abang sulung di kalangan tiga beradik iaitu Syeikh Ibrahim dan Syeikh Hasanain yang kesemuanya adalah al-Hafiz.

Syeikh Abdul Fattah al-Mirsafi banyak menumpu kepada talaqqi al-Quran dan Qiraat. Antara guru Quranya ialah Syeikh Zaki Muhammad Afifi Nasr.

Selepas khatam al-Quran dengan beliau semasa berusia sembilan tahun, Syeikh Abdul Fattah meneruskan pengajian dalam bidang Qiraat Tujuh melalui talaqqi dengan gurunya Syeikh Rifaei Muhammad Ahmad al-Majuli.

Beliau telah khatam sebanyak

lima kali di hadapan gurunya ini dan terakhirnya beliau membaca Qiraat Tujuh.

Bagi mencukupkan Qiraat Sepuluh, Syeikh Abdul Fattah talaqqi Tariq Durrah iaitu Qiraat Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf al-Asyir dengan gurunya yang bernama Syeikh Hamid Ali al-Sayyid al-Ghundur.

Untuk mendalami Tariq Durrah dan Tariq Syatibiyyah, Syeikh Abdul Fattah bertalaqqi dengan seorang yang alim dalam Qiraat iaitu Syeikh al-Allamah Muhammad al-Anwar Hasan Syarif.

Qiraat Tujuh iaitu Syatibiyyah ditambah dengan Tiga Qiraat iaitu Durrah dikenali sebagai Asyarah Sughra. Manakala Qiraat Sepuluh yang berada dalam matan Tayyibah oleh Ibnu al-Jazari terkenal dengan Asyarah Kubra.

Asyarah Kubra

Justeru, selepas mendalami Asyarah Sughra dengan beberapa guru yang hebat dan menguasainya dengan sempurna, Syeikh Abdul Fattah telah melengkapkan penguasaannya dalam Asyarah Kubra dengan seorang guru yang terkenal.

Beliau yang dimaksudkan ialah al-Allamah al-Muqri Syeikh Ahmad Abdul Aziz al-Zayyat. Melalui Syeikh Zayyat, Syeikh Abdul Fattah telah talaqqi Asyarah Kubra Tariq Tayyibah membaca dari awal al-Quran hingga akhirnya dalam tempoh 44 hari. Setelah khatam, Syeikh Zayyat telah mengijazhkannya sanad.

Dalam pengenalan gurunya ini, Syeikh Abdul Fattah menyatakan "...beliau adalah salah seorang guruku dalam Qiraat Asyarah

Sughra dan Qiraat Asyarah Kubra melalui Tariq Tayyibah, Allamah dan Imam dalam ilmu Qiraat tanpa tandingan, hebat pada zamannya, terunggul pada masanya dalam ilmu dan kelebihan, hatinya bersih, fikirannya tulus, beliau adalah antara ulama yang mulia dalam ilmu syariah dan bahasa Arab..".

Sanad Syeikh Zayyat adalah antara yang tertinggi dengan maksud antara beliau hingga ke Rasulullah SAW mempunyai 27 atau 28 perawi. Jika diteliti senarai guru Syeikh Abdul Fattah kesemua mereka mempunyai kemahiran dalam ilmu Qiraat.

Dan Syeikh Abdul Fattah telah berjaya mendapatkan sanad dari semua gurunya. Dari satu sudut, telah memadai ilmu Qiraat yang dikuasainya melalui guru-gurunya terdahulu.

Namun kesungguhannya untuk memiliki sanad yang lebih tinggi mendorong beliau mencari Syeikh Zayyat. Dan jika dilihat usianya ketika talaqqi dengan Syeikh Zayyat telah melebihi 40 tahun.

Ketekunan Syeikh Abdul Fattah menimba ilmu Qiraat dengan guru yang mahir dan mencari sanad yang tinggi membuahkan hasil yang baik.

Keilmuan Syeikh Abdul Fattah telah menjadi rebutan di kalangan pelajar untuk talaqqi Quran dan Qiraat. Beliau juga telah menghasilkan satu karya yang menjadi rujukan dalam ilmu Tajwid yang dinamakan dengan *Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*.

● **PENULIS** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.



SYEIKH Abdul Fattah al-Mirsafi (tiga dari kanan) bersama pensyarah di Universiti Islam Madinah dan dengan kepakaran mereka dalam bidang lughah, tafsir dan Qiraat mereka juga dilantik sebagai ahli lajnah tashih al-Quran di Mujamma' Malik fahd Madinah.